

18 MEI 2017

Treler bancuh simen bawa dadah menuju Malaysia

Bangkok

Treler bancuh simen bawa dadah menuju Malaysia

Polis Thailand memintas sebuah treler pembancuh simen yang disumbat dengan 2.2 juta pil khayal Yaba (dadah jenis methamphetamine) dinaiki dua lelaki, Sabtu lalu ketika menuju ke Hatyai di selatan Thailand, untuk menghantar konsainan haram itu.

Kedua-dua lelaki itu yang ditahan di wilayah Chumphon, enggan mendedahkan sebarang maklumat mengenai destinasi dadah itu selepas tiba di Hatyai, tetapi pihak berkuasa Thailand percaya dadah itu akan diseludup melalui sempadan untuk dibawa masuk ke Malaysia.

"Kedua-dua suspek enggan beritahu kami sama ada dadah itu untuk diseludup ke Malaysia selepas tiba di Hatyai, tetapi berdasarkan laluan penyeludupan, ia menuju ke Malaysia.

"Kedua-dua suspek

berusia 48 dan 32 tahun itu, berkata mereka mengambil dadah itu di Daerah Fang, Chiangmai di utara Thailand dan dijanjikan bayaran 500,000 Bath (kira-kira RM60,000) untuk menghantar konsainan itu kepada lelaki yang tidak dikenali di Hatyai," kata komander polis Wilayah Selatan 8, Leftenan Jeneral Thesa Siriwatho.

Pada 13 Mei lalu, pihak berkuasa Thailand berjaya memintas sebuah lori kecil yang membawa 1.1 tan ganja dan 1.2 juta pil Yaba di daerah Banmor, wilayah Saraburi ketika menuju ke Hatyai, dengan tujuan yang sama untuk menyeludup dadah itu ke Malaysia.

Empat lelaki termasuk seorang bekas anggota polis ditahan dalam operasi besar-besaran, yang menurut pihak berkuasa Thailand dadah

itu kemungkinan akan dieksport semula ke negara ketiga dari Malaysia.

Sementara itu, Siriwatho berkata treler pembancuh simen yang dinaiki dua lelaki itu ditahan di pusat pemeriksaan di Chumpon dan diiringi ke stesen minyak berhampiran untuk pemeriksaan lanjut selepas pihak berkuasa mengesyaki sesuatu yang tidak kena tentang kenderaan itu dan kedua-dua lelaki berkenaan.

"Pegawai itu berasa curiga kerana treler itu dipandu begitu jauh dari Chiangmai ke Hatyai," katanya dan menambah selepas pemeriksaan lanjut, kedua-dua suspek mendedahkan kewujudan 22 beg yang mengandungi dadah yang disorok bersama-sama serbuk simen di dalam pembancuh simen treler itu.